

Cuti bersalin 90 hari tetap dilaksanakan : Rodziah

SHAH ALAM - Pemberian cuti bersalin selama 90 hari oleh Pakatan Rakyat (PR) kepada wanita yang bekerja dalam sektor kerajaan di negeri ini tetap dilaksanakan berdasarkan sokongan fakta beberapa kajian yang telah dilakukan terlebih dahulu, kata Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kebajikan, Hal Ehwal Wanita, Sains Teknologi dan Inovasi, Rodziah Ismail.

Menolak pandangan sinis dan keraguan Barisan Nasional (BN) yang mengatakan perkara ini hanya akan membawa kepada penurunan produktiviti pekerja dan kerugian kepada kerajaan negeri, beliau berkata PR akan tetap

melaksanakannya bagi menepati janji mereka dalam manifesto pilihan raya umum lalu.

Menurut Rodziah, pendekatan ini dilakukan bukan sekadar untuk memberi peluang kepada golongan wanita sahaja bagi kembali produktif bekerja, tetapi oleh beberapa sebab yang munasabah dan terbukti keperluannya.

"Perkara ini tidak akan dilakukan secara suka-suka serta tanpa sebab yang kukuh. Kami (PR) terlebih dahulu telah meneliti fakta yang ada dan melakukan beberapa kajian yang dirasakan perlu dalam membuktikan keperluan perkara ini dilakukan," katanya.

Terdahulu ketika Majlis Perhimpunan Pekerja 2008 dan Wacana Kebangsaan ke-3 yang berlangsung di sini, lima buah negeri yang ditadbir Pakatan Rakyat pada dasarnya ber-setuju untuk melanjutkan tempoh cuti bersalin bagi pekerja wanita di negeri masing-masing.

Perkara itu bagaimanapun hanya akan dilaksanakan apabila pemimpin negeri berkenaan iaitu Selangor, Kelantan, Perak, Pulau Pinang dan Kedah duduk semeja dan memperhalusi perkara tersebut.

Rodziah yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Tiga

berkata dalam tempoh cuti tersebut, bayi yang baru lahir akan mula menyesuaikan diri dengan mengenali ibu bapanya dan keadaan sekelilingnya.

Beliau berkata adalah wajar jika si ibu berada di rumah menjaga kebajikan anaknya berbanding menghantar bayi tersebut ke pusat penjagaan bayi mahupun berada di bawah penjagaan orang lain.

"Walaupun tempoh tersebut mungkin tidak memadai bagi seorang bayi untuk menyesuaikan diri sepenuhnya dengan keadaan sekeliling tetapi tindakan PR ini setidak-tidaknya membantu keluarga dari segi psikologi," katanya.